

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID  
BIN IBRAHIM**

**KAWASAN : BANDAR TUN RAZAK**

**TARIKH : 9.6.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 8**

**YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kecenderungan Malaysia sama ada menandatangani Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) yang didalangi oleh Amerika Syarikat atau Free Trade Area of the Asia Pacific (FTAAP) yang dipelopori oleh China.

**Jawapan:**

Tuan Yang DiPertua,

Sebelum saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Bandar Tun Razak, saya ingin memberikan latar belakang mengenai penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Malaysia setakat ini telah menandatangani 6 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Dua Hala dan 6 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Serantau. FTA-FTA tersebut adalah:

- i) Dua hala (ditandatangani pada):
  - a) Malaysia-Jepun (13 Dis2005);
  - b) Malaysia-Pakistan (8 Nov 2007);
  - c) Malaysia-New Zealand (26 Oktober 2009);
  - d) Malaysia-India (18 Feb 2011);
  - e) Malaysia-Chile (13 Nov 2010); dan
  - f) Malaysia-Australia (22 Mei 2012).
  
- ii) Serantau (ditandatangani pada):
  - a) Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) (28 Jan 1992);
  - b) ASEAN-China (29 Nov 2004 – Barangan, 14 Jan 2007 – Perkhidmatan Pakej 1, 15 Ogos 2009 – Pelaburan, 1 Jan 2012-Perkhidmatan Pakej 2);
  - c) ASEAN-Republik Korea (24 Ogos 2006 – Barangan, 21 Nov 2007-Perkhidmatan, 2 Jun 2009-Pelaburan) ;
  - d) ASEAN-Jepun (Perdagangan Barangan);
  - e) ASEAN-India (Perdagangan Barangan 13 Ogos 2009); dan
  - f) ASEAN-Australia-New Zealand (27 Feb 2009).

Semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke Turkey pada April 2014 yang lalu, kita telah menandatangani perjanjian perdagangan bebas dengan Turki dan dijangka akan mula berkuatkuasa pada tahun 2015.

Tuan Yang Dipertua,

Faedah-faedah yang diperolehi dari FTA antaranya:

- i) akses pasaran bagi pengeksport dan pembekal perkhidmatan Malaysia dipertingkatkan melalui layanan keutamaan (*preferential treatment*);
- ii) menyediakan sumber input dan bahan mentah bagi industri tempatan pada kos yang lebih murah dengan pengurangan atau pelupusan duti import;
- iv) memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi untuk pelaburan asing (*foreign direct investments – FDI*);
- v) mempromosi bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal; dan
- vi) meningkat keupayaan dan daya saing industri Malaysia melalui persaingan yang lebih kompetitif.

Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Pada tahun 2012, jumlah perdagangan negara adalah 1.7 kali jumlah KDNK, meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang amat banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, iaitu negara ketiga di belakang Singapura dan Hong Kong antara negara-negara Asia.

Malaysia mendapat faedah daripada FTA. Sebagai contoh, sejak FTA antara China dan ASEAN pada tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada

RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Satu contoh lagi ialah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA), di mana Australia telah menghapuskan duti ke atas 100% produk yang diimport dari Malaysia bermula pada 1 Jan 2013 secara serta merta apabila perjanjian tersebut berkuatkuasa. Ini telah menjadikan produk Malaysia lebih kompetitif di pasaran Australia. Manakala Malaysia masih melaksanakan liberalisasi produk Australia secara berperingkat.

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia menyambut baik segala usaha liberalisasi perdagangan yang dapat mewujudkan akses pasaran yang lebih baik. Itu sebabnya kita menjadi ahli WTO, ASEAN, APEC, dan pertubuhan antarabangsa yang lain.

Tuan Yang DiPertua,

Memandangkan perkembangan proses WTO yang perlahan, negara-negara seluruh dunia telah menandatangani perjanjian perdagangan dua hala dan serantau. Pada masa kini, terdapat kira-kira 600 FTA yang ditandatangani.

Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik ataupun *Free Trade Area for Asia Pacific* (FTAAP) bukan perkara baru. Perkara ini telah mula dibangkitkan dalam APEC yang dianggotai oleh 21 buah negara pada

2004 melalui Majlis Penasihat Perniagaannya. Berikutan itu pada tahun 2006, Pemimpin-Pemimpin APEC mengiktiraf prospek jangka masa panjang FTAAP untuk diwujudkan sebagai mekanisme bagi mencapai integrasi ekonomi serantau. Pada Mei lalu, Mesyuarat Menteri Perdagangan APEC telah bersetuju untuk menggiatkan usaha ke arah merealisasikan FTAAP.

Manakala bagi TPP, ia merupakan rundingan perjanjian yang melibatkan 12 negara Asia Pasifik iaitu, Brunei, New Zealand, Chile, Singapura, Amerika Syarikat, Australia, Peru, Vietnam, Malaysia, Canada, Mexico, dan Jepun.

Bagi RCEP pula, ia merupakan satu inisiatif FTA yang dicadangkan di kalangan ASEAN bersama rakan dialognya yang terdiri daripada China, Jepun, India, Australia, New Zealand, dan Korea. Salah satu matlamat RCEP adalah untuk mengintegrasikan serta mengukuhkan lagi FTA ASEAN yang sedia ada.

Kesemua negara yang terlibat dalam TPP serta RCEP adalah merupakan ekonomi di bawah APEC (kecuali India). Sehubungan itu, kedua-dua TPP dan RCEP dilihat sebagai 'building blocks' ke arah pembentukan FTAAP. TPP, RCEP mahupun FTAAP mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengintegrasikan ekonomi Asia Pasifik. Oleh itu, Malaysia terlibat di dalam ketiga-tiga inisiatif tersebut.

Malaysia menyokong perdagangan bebas atas terma sendiri dengan berpandukan kepada semangat setia kawan serantau ASEAN dan APEC. Malaysia tidak dipaksa untuk menyertai mana-mana rundingan

perjanjian termasuk TPP. Sepertimana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri di Tokyo, Malaysia hanya akan menandatangani perjanjian jika ia menguntungkan negara.